

44. Murid yang rajin mengulang kaji pelajaran sudah tentu akan mendapat keputusan peperiksaan yang cemerlang.
- A Keputusan peperiksaan yang cemerlang akan dapat dicapai oleh murid yang rajin mengulang kaji pelajaran.
 - B Murid yang mendapat keputusan peperiksaan yang cemerlang sudah tentu rajin mengulang kaji pelajaran juga.
 - C Keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan dapat diperoleh oleh murid yang sentiasa mengulang kaji pelajaran.
 - D Murid yang cemerlang pasti akan rajin mengulang kaji pelajaran dalam peperiksaan.
45. Sungai Langat telah dicemari oleh sampah sarap yang dibuang oleh golongan yang tidak bertanggungjawab.
- A Pencemaran di Sungai Langat disebabkan oleh sampah sarap yang dibuang oleh golongan yang tidak bertanggungjawab.
 - B Golongan yang tidak bertanggungjawab telah membuang sampah sarap yang telah mencemari Sungai Langat.
 - C Sampah sarap yang banyak telah menyebabkan Sungai Langat dicemari oleh golongan yang tidak bertanggungjawab.
 - D Sampah sarap yang terdapat di Sungai Langat telah dibuang oleh golongan yang tidak bertanggungjawab.
46. Para peserta yang menyertai Larian Merdeka dikehendaki membayar wang pendaftaran sebanyak RM10.00.
- A Dengan mempunyai wang sebanyak RM10.00, para peserta dibenarkan menyertai Larian Merdeka.
 - B Wang pendaftaran sebanyak RM10.00 hendaklah dibayar oleh para peserta yang menyertai Larian Merdeka.
 - C Selepas menyertai Larian Merdeka, para peserta dikenakan yuran pendaftaran sebanyak RM10.00.
 - D Para peserta Larian Merdeka diminta membayar wang sebanyak RM10.00 semasa pendaftaran.

Soalan 47 hingga 54

Isi tempat kosong dengan kata kerja yang sesuai.

Soalan 47 berdasarkan gambar di bawah ini.

